

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 14 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap pindaan Akta Perusahaan 1967 yang diusahakan oleh Kementerian apabila TPPA ditandatangani.

PR-1353-L02928

63

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pindaan keatas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 akan diteruskan meskipun Amerika Syarikat telah menarik diri daripada perjanjian tersebut. Ini adalah sebagai persediaan buat Malaysia untuk memasuki Perjanjian Perdagangan Bebas di masa hadapan yang turut meletakkan 'standard' perburuhan antarabangsa yang sama di dalam Bab Buruh (*Labour Chapter*) untuk diaplikasi oleh semua negara yang memasuki perjanjian tersebut.